


## BORANG PERMOHONAN APPLICATION FORM

• • •

Sila isi borang dipautan berikut untuk pendaftaran:  
<https://tinyurl.com/kikbmregistration>

Please fill in the form link for registration:  
<https://tinyurl.com/kikbmregistration>



## KURSUS INTENSIF KETERAMPILAN BAHASA MELAYU

## MALAY LANGUAGE PROFICIENCY INTENSIVE COURSE

### MAKLUMAT LANJUT FURTHER INFORMATION

• • •

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

*For further information, please contact:*

📍 **Alamat/Address:**  
Penyelaras KIKBM  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi

☎ **Telefon/telephone:** +603 89213557/ 4737  
📠 **Faksimile/faxmile:** +603 89254698  
✉ **E-mel/email:** kikbm.atma@ukm.edu.my



# PENGENALAN INTRODUCTION

Kursus Intensif Keterampilan Bahasa Melayu (KIKBM) di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) telah ditawarkan sejak tahun 1999 di bawah program Consortium of Teaching Indonesia-Malaysia (COTIM). Bermula dengan hanya dua orang pelajar dari Amerika Syarikat, kini hampir 1,000 orang alumni dari seluruh dunia telah mengikuti kursus ini dalam pelbagai peringkat. KIKBM turut mendapat pengiktirafan daripada universiti-universiti terkemuka dunia seperti La Trobe University, Melbourne (Australia), Tokyo University of Foreign Studies (Jepun), serta badan-badan antarabangsa lain, seperti Korea Tourism Organization (Korea Selatan), DAIHATSU Jepun dan the New Colombo Plan Scholarship Program.

*The Intensive Malay Language Proficiency Course at The Institute of The Malay World and Civilization (ATMA) was established as a result of The Consortium of Teaching Indonesia-Malaysia (COTIM) in 1999. From its humble beginnings of only two students from The United State of America, now we have almost 1,000 alumni from all over the world have completed the course at various level. In addition, we also recognized by world prominent universities, as well as La Trobe University, Melbourne (Australia), Tokyo University of Foreign Studies (Japan), and other international bodies, i.e. Korea Tourism Organization (Korea Selatan), DAIHATSU Japan, and the New Colombo Plan Scholarship Program.*

## SIJIL & LAPORAN KURSUS CERTIFICATE & COURSE REPORT

Pelajar akan diberikan laporan dan sijil yang mengesahkan tahap penguasaan, peringkat dan tempoh kursus yang diikuti, setelah menamatkan kursus.

*All Students will be given a certificate and a report certifying the level, stage and duration of their studies after successfully completing them.*



## KURSUS & TEMPOH COURSE & DURATION

KIKBM ialah program kursus tanpa ijazah yang ditawarkan dalam enam (6) tahap, iaitu tahap asas hingga tahap lanjutan. Setiap tahap terdiri daripada 100 jam melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran:

- ◆ 60 jam tumpuan tatabahasa (mendengar, membaca, menulis dan bertutur),
- ◆ 20 jam tumpuan budaya
- ◆ 20 jam aktiviti amali (termasuk bengkel, lawatan dan kerja lapangan).

KIKBM diselenggara secara intensif selama empat atau lima minggu oleh guru-guru bahasa Melayu yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Kursus juga boleh disesuaikan mengikut keperluan pelajar. Selari dengan perkembangan semasa, kami juga menawarkan kelas secara dalam talian dengan waktu yang lebih anjal. Kursus dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu 80 jam tumpuan tatabahasa dan 20 jam tumpuan budaya.

*KIKBM is a non-degree program course offered in six levels, from novice to advance. Each course comprise 100 hours through teaching and learning method.*

- ◆ 60 hours focusing on grammar (listening, reading, writing and speaking)
- ◆ 20 hours focusing on culture
- ◆ 20 hours cultural activities (including workshop, trips and outdoor activities)

*KIKBM is a course conducted intensively for those aspire to master Malay language. Our teachers are excel native speakers that will guide the students through 4 to 5 weeks of intensive learning. Each stage can be tailored according to the need of students. Flexible online classes are also available. Course is divided into two parts with 80 hours focusing on grammars and another 20 hours focusing on culture.*

## VISA

Pelajar dikehendaki menguruskan visa pelajar masing-masing sekiranya memerlukan. Untuk maklumat lanjut, sila layari:  
<https://educationmalaysia.gov.my/visa-new-application>

*Students are responsible to apply for student visas if needed. For further information, please visit:  
<https://educationmalaysia.gov.my/visa-new-application>*

## PENILAIAN EVALUATION

Ujian lisan dan bertulis akan diadakan pada akhir setiap tahap bagi memastikan tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar.

*An oral and written test will be conducted prior to the commencement of each course to ascertain the students' levels of competency.*

## YURAN FEES

Yuran yang dikenakan bagi setiap tahap adalah seperti dalam Jadual. Yuran hendaklah dijelaskan pada hari pendaftaran dan tidak akan dikembalikan, sekiranya pelajar menarik diri.

*The entire course at each level cost are as follow. Payment must be made on the registration day and no refund will be entertained for any withdrawal.*

*PAKEJ *PACKAGE	YURAN (kadar seorang) FEES (per person)		
	Kelas Individu Individual Class	Kelas Berdua Group of two	Kelas Bertiga/Berempat Group of three/four
Pakej 1 (Tatap Muka) Package 1 (F2F)	RM5,400.00	RM2,700.00	RM1,800.00
Pakej 2 (Dalam talian) Package 1 (online)	RM5,200.00	RM2,600.00	RM1,750.00